

05/03/1998

Tabungan Takaful tangani kegawatan ekonomi

Datuk Mohd Fadzil Yusof

BAHANG kegawatan ekonomi mula dirasakan semua. Pada awalnya masyarakat pelabur saja yang mengalami kerugian kesan perjunaman harga saham, tetapi kini boleh dikatakan semua tidak dapat mengelak tempiasnya. Yang makan gaji ada yang terpaksa menerima pemotongan gaji atau kenaikan gaji dibekukan, malahan lebih teruk terpaksa menerima realiti diberhentikan kerja. Bahang kegawatan menjadi bertambah hangat dengan meningkatnya pula perbelanjaan harian kerana dalam keadaan sebegini kenaikan harga barang sukar dielakkan.

Sememangnya Kerajaan adalah paling aktif berusaha mencari jalan bagaimana menyelesaikan kemelut ini. Dalam hubungan ini berbagai strategi dan program telah diambil Kerajaan seperti penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Namun betapa bestari sekalipun strategi dan program ini, jika tiada sokongan bulat dan kerjasama penuh rakyat, tujuan strategi dan program untuk menangani kegawatan ini tidak akan tercapai. Perlu disedari kesemua strategi dan program ini adalah untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Lebih daripada itu ia mengajar agar rakyat bersatu dan berusaha untuk berdikari sebenar-benarnya. Oleh itu tiada siapa yang boleh lepas tangan, sebaliknya wajar membantu meringankan bebanan Kerajaan.

Dalam keadaan sebeginilah, lazimnya orang akan mengimbuai kembali perilaku belanjawan masing-masing dan merenung semula perancangan kewangan yang telah dibuat. Apakah selama ini perancangan kewangan telah dibuat dengan sewajarnya atau tidak? Barangkali yang kerap terbayang apakah selama ini terlalu mewah berbelanja, membeli barangan yang tidak perlu dan terlalu sedikit menabung? Atau melonggok semua tabungan dalam satu sektor sahaja.

Bermewah-mewah dan ingin menunjuk-nunjuk adalah budaya hidup yang sangat tidak disukai Islam. Allah berfirman maksudnya: Ketahuilah, bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanya permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamnya mengagumkan para petani; kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keridhaanNya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu. (Surat al-Hadith: 20)

Mereka yang merancang program kewangan dengan wajar mungkin kurang terasa kesan kegawatan ekonomi; setidak-tidaknya mereka masih mempunyai kekuatan kewangan dengan aliran tunai yang mencukupi. Bagi yang sebaliknya kedudukan kewangan masing-masing menjadi lebih parah. Apa lagi belanja menyambut hari raya masih belum langkai kerana berhutang. Ditambah pula dengan anak bersekolah, juga terpaksa menyediakan belanja keperluan persekolahan. Yang jelas mengatur perancangan kewangan yang baik amat mustahak demi keselesaan belanja harian sekeluarga.

Perancangan kewangan yang baik tidak boleh tidak mesti ada tabungan. Oleh kerana tabungan wajar melalui institusi kewangan, bukan menyimpan wang di bawah bantal, dengan sendirinya terlaksana pelaburan yang selamat. Umpamanya wang tabungan pendeposit dalam institusi perbankan adalah selamat kerana institusi ini dikehendaki mematuhi peraturan undang-undang khusus yang mengawal selia dan melesen operasinya. Bahkan Kerajaan sendiri, telah memberi jaminan bahawa tabungan dan simpanan di bank-bank adalah selamat.

Tabungan banyak faedahnya. Yang penting ia memerlukan disiplin diri yang kuat untuk melaksanakannya dengan tekun agar matlamat tabungan tercapai. Maklumlah sudah menjadi sifat manusia, bila ada wang segera hendak dibelanjakan.

Sebaliknya sekiranya kegawatan ekonomi hendak diatasi, setiap rakyat perlu berkorban. Cara hidup mewah, berbelanja mengikut selera, sering makan di luar dan dengan cara kredit pula harus dibuang. Perbelanjaan perlu dikekang.

Program tabungan boleh membantu kerana tabungan menjauhkan pembaziran. Selain mengelak berbelanja yang tidak perlu, tabungan membina aset hidup yang boleh digunakan untuk menjana pelaburan. Barangkali kerana kurangnya tabungan yang dapat membantu menjana pelaburan, misalnya pasaran saham negara terlalu bergantung kepada pelabur asing. Bila pelabur asing ini menarik diri, tanpa kekuatan tabungan domestik, pasaran saham hilang sokongan aktif. Di Amerika umpamanya saham amanah sebagai satu institusi tabungan menguasai 40 peratus pelaburan pasaran saham; sementara di Malaysia tidak sampai 10 peratus. Dana insurans pula, yang berupa suatu lagi kemudahan tabungan merangkumi kira-kira sepertiga dana kewangan dan perbankan negara berkenaan, sedangkan di Malaysia kurang 5 peratus.

Menyedari betapa besarnya kesan tabungan dalam menangani kemelut ekonomi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menasihati rakyat supaya menabung lebih banyak. Dalam usaha ke arah ini kaum wanita diseru menjual barang kemas dan mereka yang memiliki harta di luar negara supaya menjual dan membawa pulang wang untuk disimpan di Malaysia. Kempen menggalakkan tabungan yang dilancarkan secara rasmi oleh Dr Mahathir setahun yang lalu menjadi lebih prihatin semua pihak apabila masalah ekonomi bertambah gawat. Sambutan beberapa organisasi dan kumpulan tertentu amat menggalakkan. Di kalangan guru misalnya, ada usaha membolehkan setiap guru menderma secara sukarela RM10 sebulan selama setahun untuk disumbangkan kepada tabung pendidikan nasional.

Menyedari hakikat wanita mempunyai pengaruh besar dalam perancangan kewangan keluarga, usaha menggembleng tabungan di kalangan wanita akan dilaksanakan oleh Wanita Umno. Ini membabitkan pelancaran Dana Ihsan Wanita yang mengikut laporan akan bermula Mac ini.

Sungguhpun bidang dan instrumen tabungan adalah luas dan pelbagai, daripada berbagai produk perbankan, amanah saham, keahlian koperasi sehinggalah kepada insurans dan takaful yang boleh dipilih, apapun pilihannya harus menepati dan sesuai dengan keperluan serta kemampuan penabung itu sendiri. Namun produk tabungan jangka panjang, dengan wang caruman mesti dijelaskan secara berjadual dalam tempoh dan mengikut lat tertentu yang digabungkan pula dengan hak mendapat perolehan seperti pampasan insurans adalah lebih berkesan dalam langkah ke arah menangani kegawatan ekonomi.

Dalam konteks ini produk takaful paling sesuai. Misalnya produk takaful keluarga dengan tempoh penyertaan daripada 10 tahun sehingga 40 tahun memudahkan perancangan kewangan jangka panjang disusun. Tabungan jangka panjang boleh menjamin kestabilan pulangan. Jika dalam satu tempoh tertentu salah satu sektor pelaburan terjejas seperti pasaran saham sekarang, pulangan sektor lain dalam jangka panjang membantu menampung pulangan sektor yang lemah itu. Sebaliknya mungkin sektor yang lemah sekarang akan pulih dan kembali cergas kemudian kelak. Proses pelbagaian ini hanya mudah dilaksanakan bagi instrumen tabungan jangka panjang.

Selain itu, tabungan jangka panjang, seperti produk takaful keluarga memudahkan kegiatan pelaburan dipelbagaikan untuk dipadankan dengan tempohnya. Dengan cara ini usaha memaksimumkan pulangan mudah disusun.

Tabungan menerusi produk takaful mengajar diri supaya berdisiplin menyimpan. Oleh kerana wang ansuran caruman mesti dibayar apabila cukup

lat bayaran, mahu tidak mahu harus ada perancangan supaya ada kepastian ansuran caruman dapat dibayar mengikut jadual. Amaun caruman pula boleh disesuaikan mengikut kemampuan.

Jika pendapatan kurang disebabkan oleh pemotongan atau pembekuan gaji sekarang, amaunnya boleh dikecilkan; sebaliknya apabila pendapatan meningkat kelak, amaun ini boleh ditambah. Yang mustahak program tabungan jangka panjang seumpama ini perlu dilaksanakan dengan sempurna. Setiap orang harus mengemaskan perut masing-masing.

(END)